

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
BILANGAN 2 TAHUN 2019

TARIKH : 28 FEBRUARI 2019 (KHAMIS)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, <i>S.I.S.,P.P.T.</i>
(Yang Dipertua) | - | Pengerusi |
| 2. | Encik Wong Kim Loon | - | Ahli Majlis |
| 3. | Encik Rosdi bin Meor Endut | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mat Irwan bin Ismail | - | Ahli Majlis |
| 5. | Encik Hamzah bin Abu Bakar | - | Ahli Majlis |
| 6. | Cik Ang Lee Yong | - | Ahli Majlis |
| 7. | Encik Ang Eu Liang | - | Ahli Majlis |
| 8. | Encik Nadasan a/l Subramani | - | Ahli Majlis |
| 9. | Encik Haridass a/l Ramasamy | - | Ahli Majlis |
| 10. | Encik Gan Yee Chin | - | Ahli Majlis |
| 11. | Encik Teh Eng Teck | - | Ahli Majlis |
| 12. | Encik Lim Tou Yih | - | Ahli Majlis |
| 12. | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman | - | Ahli Majlis |
| 13. | Encik Munusamy a/l Erishin | - | Ahli Majlis |
| 14. | Encik Razali bin Ahmad | - | Ahli Majlis |
| 15. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid | - | Ahli Majlis |
| 16. | Encik Sethupathy a/l Subramaniam | - | Ahli Majlis |
| 17. | Encik Baharudin bin Misran | - | Ahli Majlis |
| 18. | Puan Rahimah binti Harun | - | Ahli Majlis |
| 19. | Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam | - | Ahli Majlis |
| 20. | Encik Low Kok Hua | - | Ahli Majlis |
| 21. | Puan Norhaninawati binti Mohd Yusof | - | Ahli Majlis |

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 22. | Puan Siti Nor Eaini binti Nasuka | - | Ahli Majlis |
| 23. | Encik Yunis Khalis binti Abdul Manap | - | Ahli Majlis |
| 24. | Encik Mohd Yasin bin Alwi, <i>A.I.S.</i> | - | Setiausaha |

TURUT HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 1. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan
Perbendaharaan |
| 2. | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Kejuruteraan |
| 3. | Tuan Haji Arpaai bin Haji Sanat, <i>A.M.S, P.P.T., P.K.T.-</i> | - | Pengarah Jabatan
Perancangan Pembangunan |
| 5. | Tuan Haji Zailani bin Hashim, <i>P.P.T., P.K.T.</i> | - | Pengarah Jabatan Kawalan
Bangunan |
| 5. | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan Pelesenan |
| 6. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad | - | Pengarah Jabatan Pengurusan
Sisa Pepejal dan Kesihatan
Persekitaran |
| 7. | Puan Lisawati binti Abd. Karim | - | Pengarah Jabatan
Penilaian dan Pengurusan
Harta |
| 8. | Puan Norain binti Mohamad | - | Pengarah Jabatan
Pembangunan Masyarakat |
| 9. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap | - | Pengarah Jabatan
Landskap |
| 10. | Puan Nordila binti Yasir | - | Pengarah Jabatan
Penguatkuasaan |
| 11. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K.</i> | - | Ketua Unit Perundangan |
| 12. | Encik Mohd Halid bin Roslei | - | Ketua Perunding Kawalan
Pemajuan |
| 13. | Cik Mohaneswary a/p Batumalai@
Subaramaniam | - | Ketua Unit Audit Dalam |
| 14. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin | - | Ketua Bahagian Teknologi
Maklumat |
| 15. | Puan Nurfadhilah binti Jalaludin | - | Wakil Pengarah Jabatan
Khidmat Pengurusan |

- | | | | |
|-----|---------------------------------------|---|--|
| 16. | Encik Mohd Shauki bin Jamaludin | - | Wakil Ketua Unit Korporat dan Perhubungan Awam |
| 17. | Puan Amiezatul Hanim binti Zakuan | - | Wakil Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan |
| 18. | Encik Mohd Khairul Anuar bin Zainois. | - | Wakil Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan |

DIJEMPUT HADIR

- | | | | |
|----|--|---|---------------|
| 1. | Yang Berhormat Tuan Lau Weng San
ADUN Banting | - | Pemerhati |
| 2. | Yang Berhormat Tuan Haji Hasnul bin Baharudin-
ADUN Morib | - | Pemerhati |
| 3. | Encik Nahar | - | TV Selangor |
| 4. | Encik Hanafi bin Mohamed | - | TV Selangor |
| 5. | Cik Sheeda | - | Selangor Kini |
| 6. | Encik Hafin bin Othman | - | Selangor Kini |
| 7. | Cik Umirahizrin | - | Selangor Kini |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | YDM Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin
Tengku Harun, <i>D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.</i> | - | Ahli Majlis |
|----|---|---|-------------|

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- | | | | |
|----|--------------------------------|---|--------------------------------|
| 1. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha
Pejabat |
| 2. | Puan Rosmawati binti Othman | - | Pembantu Setiausaha
Pejabat |

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	BACAAN DOA		
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Ketua Unit Perundangan.		Makluman
2.0	UCAPAN Pengerusi		
	Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YB. ADUN, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Yang Dipertua dan Pengarah-Pengarah Jabatan pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, Tuan Pengerusi memaklumkan perkara-perkara berikut:		
	2.1	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor akan diadakan di daerah Kuala Langat pada 19 April 2019.	Makluman
	2.2	Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2019 akan bermula pada 18 Mac 2019 hingga 29 Mac 2019.	Makluman
	2.3	MDKL telah membentangkan berkenaan pembinaan 'flyover' di Bandar Saujana Putra dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) tempoh hari. Difahamkan arahan seterusnya daripada Kerajaan Negeri akan diterima dalam Mesyuarat Dewan Negeri Selangor akan datang.	Makluman
	2.4	Sesi 'Town Hall' Bersama Penduduk telah diadakan pada 27 Februari 2019 di Dewan Telok Panglima Garang. Diharap program ini akan memberi impak yang baik kepada masyarakat dan seterusnya dapat memahami fungsi sebenar MDKL. Beliau berharap MPP Zon yang tidak dapat hadir pada sesi akan datang dapat menghantar wakil. Beliau juga meminta pihak urus setia menjemput pihak PTD Kuala Langat, JKR, PDRM dan JPS pada sesi akan datang.	Makluman

3.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	3.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BILANGAN 1 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 22 JANUARI 2019	
		<p>Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Hamzah bin Abu Bakar dengan pindaan berikut:</p> <p>i. <u>Perkara 6.7 (i) (m.s.12)</u></p> <p>Tambahan ayat – Encik Ang Eu Liang ingin tahu sama ada kenaikan kadar permit jualan buah bermusim daripada RM50.00 sebulan kepada RM500.00 sebulan termasuk dengan caj kutipan sisa buah tersebut. Jika tidak, beliau mencadangkan kadar sebanyak RM500.00 sebulan termasuk dengan caj kutipan sisa buah.</p>	Makluman
4.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
	4.1	<p><u>Perkhidmatan Mengangkat Sampah Pukal</u></p> <p>Berkenaan cadangan supaya pihak KDEB membuat hebahan tentang perkhidmatan mengangkat sampah pukal kepada penduduk taman perumahan, dimaklumkan perkara ini masih dalam kajian pihak KDEB kerana ia operasi baru yang diwujudkan.</p>	Makluman
	4.2	<p><u>Cadangan Pembinaan Laluan Kontra Bagi Mengatasi Masalah Lalu Lintas di Bandar Saujana Putra</u></p> <p>Berkenaan cadangan pembinaan laluan kontra sebagai jalan keluar untuk penduduk di Jalan SP4 dan Jalan SP21, dimaklumkan satu mesyuarat telah diadakan pada 25 Februari 2019 dan memutuskan untuk menutup laluan ke Jalan SP4 bagi mengelak pengguna jalan raya memotong laluan.</p>	Makluman

5.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 2 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 FEBRUARI 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 5.2.1 (m.s.6)</u></p> <p>Encik Ang Eu Liang memaklumkan terdapat trend meningkat dalam populasi anjing liar dan berharap dapat diatasi segera oleh pihak jabatan bagi mengelakkan masalah.</p> <p><i>Pengarah JPSPKP memaklumkan perkara ini perlu ditender semula kerana hanya ada seorang pembida. Beliau juga memaklumkan pihak jabatan telah mula menjalankan operasi menangkap anjing liar pada waktu malam.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi mencadangkan kontraktor yang lama dilantik secara inden dahulu.</i></p>	JPSPKP
	ii.	<p><u>Perkara 5.3.1 (m.s.6)</u></p> <p>Encik Ang Eu Liang mencadangkan rumah kosong yang dipenuhi semak samun dirampas.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan pihak Majlis hanya mempunyai kuasa mengeluarkan kompaun dan seterusnya membawa kes ini ke mahkamah sekiranya gagal membayar kompaun.</i></p> <p><i>Puan Nor Aishah memaklumkan baru-baru ini berlaku kes Denggi di Taman Damai. Hasil pemeriksaan mendapati rumah mangsa berdekatan dengan rumah</i></p>	Makluman

		<p><i>kosong yang dikhuatiri menjadi tempat pembiakan nyamuk.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi meminta perkara ini dibincangkan dalam Jawatankuasa Pengurusan Sampah Daerah Kuala Langat.</i></p>	
	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 2 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 FEBRUARI 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 4.2.3 (m.s.8)</u></p> <p>Berkenaan program ‘Kebun Saya’, Tuan Pengerusi berharap pihak MPP dapat menghebahkan program ini kepada penduduk.</p>	Makluman
	5.3	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 2 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 FEBRUARI 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 4.2 (m.s.4)</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin mencadangkan Ahli Majlis yang mempunyai masalah pengurusan sampah di zon mereka dijemput hadir di dalam jawatankuasa ini.</p>	Makluman
	5.4	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 2 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 FEBRUARI 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	

	i.	<p><u>Perkara 1.2 (m.s.3)</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin ingin tahu adakah dewan dan balai raya milik PTD di kawasan taman akan turut diserahkan kepada MDKL.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan pihak Majlis sedang menunggu senarai balai raya dan dewan daripada pihak PTD. Beliau juga memaklumkan untuk fasa 1, pihak Kerajaan Negeri akan memberi peruntukan untuk kerja pembaikan.</i></p> <p><i>Encik Low Kok Hua memaklumkan kabin balai raya di Taman Delima menghadapi masalah bekalan air. Beliau telah menghantar surat kepada Pengurusan Air Selangor tetapi pihak mereka memaklumkan ingin tahu status tanah. Maklumbalas daripada PTD pula menyatakan pihak mereka tidak akan mengeluarkan surat kebenaran untuk penyambungan bekalan air.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan kabin tersebut terletak di atas tanah kerajaan dan persatuan penduduk perlu memohon TOL daripada PTD.</i></p>	Makluman
	5.5	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 2 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 FEBRUARI 2019</p>	
		<p>Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:</p>	
	i.	<p><u>Perkara 4.2 (m.s.3)</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan dalam Mesyuarat Bangunan Baharu MDKL tempoh hari, dimaklumkan jadual kemajuan sebenar hanya 6.4% dan kelewatan pelaksanaan kerja adalah sebanyak 112 hari. Beliau ingin tahu adakah pihak Majlis mempunyai pekeliling untuk mengambil tindakan terhadap projek yang telah mencapai kelewatan kerja melebihi 20%.</p> <p>Encik Mat Irwan memaklumkan pihak konsultan dan kontraktor seperti tidak mempunyai persefahaman dan</p>	Makluman

		<p>mempunyai pandangan tersendiri.</p> <p><i>Pengarah JKB memaklumkan masalah ini berpunca daripada kecuaiian pihak kontraktor dan mereka perlu bertanggungjawab terhadap kelewatan yang berlaku. Konsultan pihak kontraktor telah mengemukakan kaedah pembaikan dan telah dipersetujui oleh konsultan. Walau bagaimanapun, kaedah kedua iaitu 'method of statement' terdapat sedikit keraguan dan masih belum dikemukakan oleh pihak kontraktor. Satu mesyuarat akan diadakan pada 1 Mac 2019 bagi mengenalpasti pandangan daripada konsultan PIHAK Majlis dan konsultan pihak kontraktor.</i></p> <p><i>Encik Teh Eng Teck memaklumkan sekiranya konsultan MDKL tidak dapat menerima cadangan daripada kontraktor, pihak konsultan perlu mengeluarkan notis arahan kepada kontraktor.</i></p>	
	5.6	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 2 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 FEBRUARI 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 4.3 (m.s.4)</u></p> <p>Encik Gan Yee Chin mencadangkan Ahli Majlis yang hadir sahaja memberi sumbangan sebanyak RM1,000 atau pihak jabatan memohon sumbangan daripada Ahli Parlimen dan ADUN Morib dipinda kepada Encik Gan Yee Chin mencadangkan Ahli Majlis membuat sumbangan secara sukarela atau pihak jabatan mohon sumbangan daripada Ahli Parlimen dan ADUN kawasan Kuala Langat.</p>	Makluman
	ii.	<p><u>Perkara 4.3 (m.s.4)</u></p> <p>Encik Baharudin membangkitkan cadangan beliau iaitu sebahagian aktiviti dibuat di Pantai Batu Laut dan mencadangkan program ini diadakan setiap tahun dengan konsep Tahun Melawat Kuala Langat. Beliau</p>	JK

		juga memohon bangunan MARA di Pantai Batu Laut dirobohkan kerana mencacatkan pemandangan dan menjadi sarang penagih dadah.	
	iii.	Encik Mat Irwan memaklumkan trend pelancongan di daerah Kuala Langat antara yang terendah. Oleh itu, beliau berharap perkara ini dapat diberi fokus dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan.	Makluman
	5.7	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 2 TAHUN 2019 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 FEBRUARI 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
6.0	MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 1 TAHUN 2019 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 JANUARI 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 2 TAHUN 2019 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN 25 JANUARI 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman

	6.3	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 3 TAHUN 2019 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN 8 FEBRUARI 2019	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
7.0	PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN		
	7.1	<p><u>KERTAS MESYUARAT NO.1</u></p> <p>CADANGAN PENGUBAHAN 1 RANCANGAN TEMPATAN KUALA LANGAT 2030 (RTKL 2030)</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Latar Belakang</u></p> <p>i. Rancangan Tempatan merupakan satu rancangan jangka panjang yang menunjukkan arah tuju dan corak pembangunan di masa akan datang. Ia perlu dijadikan asas bagi semua keputusan perancangan yang diambil oleh PBPT dalam memandu dan mengawal pembangunan.</p> <p>ii. RTKL 2030 telah diwartakan pada 5 Julai 2018 (Warta Kerajaan Negeri, No. Warta 2382). Sebelum ini, MDKL menggunakan Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 yang telah diwartakan pada 26 Mei 2011, No. Warta 1920 dan telah mengalami tiga kali proses perubahan RTKL 2020 iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RTKL (Pengubahan 1) 2020 – No.warta 1914 pada 23 Mei 2013. • RTKL (Pengubahan 2) 2020 – No.warta 2253 pada 5 Jun 2014. • RTKL (Pengubahan 3) 2020 – No.warta 1462 pada 30 April 2015. <p>iii. Cadangan Pengubahan 1 RTKL 2030 ini adalah di bawah peruntukan Subseksyen 16 (1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Pihak Berkuasa Perancang Tempatan boleh pada bila-bila masa, membuat cadangan untuk pengubahan, pembatalan atau penggantian suatu rancangan tempatan.</p>	JPP

		<p>iv. Skop penyediaan pindaan sebahagian zon guna tanah bagi RTKL (Pengubahan 1) 2030 perlu mengambilkira, mengemaskini dan menambahbaik perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelan cadangan zon guna tanah RTKL 2030. • Klasifikasi Aktiviti Kegunaan Tanah (Land Use Class Order) RTKL 2030 (kawalan perancangan seperti nisbah plot, kawasan <i>plinth</i>, ketinggian bangunan dan densiti pembangunan). • Pelan susunatur terperinci dan pembangunan komited yang telah diluluskan oleh MDKL. • Pindaan zon guna tanah berdasarkan pelan-pelan lulus atau kelulusan lain yang berkaitan dan pengezonan semula zon guna tanah berdasarkan potensi pembangunan di kawasan sekitar. <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p>	
8.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Cik Ang Lee Yong,		
	i.	Beliau mengucapkan selamat sejahtera kepada YB. ADUN Banting, YB. ADUN Morib, Tuan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan.	Makluman
	ii.	Tidak lama lagi, MDKL akan dinaik taraf ke Majlis Perbandaran. Oleh itu, perkara ini perlu diiringi dengan anjakan paradigma oleh seluruh warga kerja MDKL kerana cabaran yang mendatang akan lebih hebat. Sebagai contoh, kegunaan zon tanah dalam Rancangan Tempatan akan mengalami proses pindaan yang lebih rancak kerana ramai pemaju dan pemilik tanah akan memohon untuk menukar syarat nyata guna tanah dan zon kegunaan tanah mereka sejajar dengan perubahan iklim ekonomi setempat.	Makluman

	iii.	Selain itu, harapan penduduk terhadap MDKL pasti akan meningkat sehinggakan apa yang dianggap sebagai memuaskan sebelum itu akan dilihat sebagai tidak mencukupi kerana naiktaraf ini bermaksud hasil dan pendapatan serta gaji dan elaun pegawai akan diselaraskan.	
	iv.	Peningkatan bilangan penduduk dan aktiviti perniagaan dan perindustrian akan membebankan infrastruktur MDKL yang sedia ada dan MDKL perlu bersiap sedia dengan peruntukan yang lebih besar dan kualiti perkhidmatan yang lebih cekap untuk memenuhi citarasa, keperluan dan permintaan para pembayar cukai yang semakin meningkat. Oleh itu, beliau berharap pihak Majlis dapat memastikan wang Majlis digunakan dengan baik. Maklumat Laporan Audit Negara terhadap akaun Majlis pada tahun 2017 mendapati MDKL mempunyai simpanan tetap dan wang tunai dalam bank dengan jumlah yang agak besar iaitu RM94 juta berbanding RM77 juta pada tahun 2016. Beliau pasti angka ini akan terus meningkat dan mencecah jumlah RM100 juta bagi tahun 2018. Maka adalah tidak keterlaluan sekiranya MDKL boleh menggunakan sebahagian daripada simpanan dan rizab untuk pembangunan infrastruktur di seluruh kawasan pentadbiran, khususnya untuk menaiktaraf Dewan Orang Ramai, kelengkapan alat permainan di taman, tandas dan pasar awam, parit serta longkang awam dan sebagainya.	
	v.	Pada pertengahan tahun 2018, MDKL terpaksa mengharungi cabaran yang getir berikutan masalah pencemaran yang disebabkan oleh kilang-kilang pemprosesan sisa plastik yang tidak berlesen. MDKL harus diberi pujian kerana menjalinkan kerjasama yang rapat dengan penduduk dan wakil rakyat untuk mengatasi masalah ini yang merupakan isu nasional dan antarabangsa. Walau bagaimanapun, perkara ini sedikit sebanyak mendedahkan kekurangan MDKL dari segi pemantauan, pengetahuan teknikal dan perundangan untuk mengekang kemasukan sisa pepejal plastik yang tidak terkawal.	

	vi.	MDKL perlu berusaha untuk menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan Persekutuan dalam perkara ini bagi memastikan segala kerja penguatkuasaan dan perundangan berjalan dengan lancar. Perkara ini juga sama seperti isu-isu yang melibatkan Kerajaan Persekutuan seperti perancangan pengangkutan awam dan sebagainya memandangkan Kerajaan Negeri dan Persekutuan di bawah satu bumbung. Semua ini adalah sejajar dengan tajuk ucapan beliau iaitu "Membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa".	Makluman
	vii.	Akhir kata, beliau mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis dan warga kerja MDKL yang sentiasa memberikan bantuan dan kerjasama apabila diperlukan.	
9.0		UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi	
		Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari.

Disediakan oleh :

Urus Setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Daerah Kuala Langat

Tarikh : 5 Mac 2019

Disemak oleh :

.....
(MOHD YASIN BIN ALWI, A.I.S.)
Setiausaha,
Majlis Daerah Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....
(MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID, S.I.S.,P.P.T.)

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh
dan disokong oleh

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JPM - JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN
PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. PRO - UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
17. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
18. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

lynda/mesyuarat mdkl 2/2019